



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 7 NOVEMBER 2023

- 1. KRISIS BENIH PADI DI UTARA – UTUSAN MALAYSIA**
- 2. HANYA 10.1 PERATUS KAWASAN MADA DAPAT TANAM PADI – UTUSAN MALAYSIA**
- 3. TINGKAT KUOTA PENGELUARAN DI LOJI AGENSI KERAJAAN – UTUSAN MALAYSIA**
- 4. JUAL RM50, DALAM RESIT RM45 – UTUSAN MALAYSIA**
- 5. UTAMAKAN AGENSI ADA LOJI PENGELUARAN DAPAT KUOTA BENIH PADI SAH – BERITA HARIAN**
- 6. ‘TIDAK PERLU 1 JUTA HEKTAR JELAPANG PADI MALAYSIA’ – KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 7 NOVEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Sebanyak 90 peratus sawah MADA di Perlis, Kedah belum ditanam padi

Krisis benih padi di utara

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamula.com.my

ARAU: Kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS).

Krisis yang disifatkan paling buruk itu menyebabkan hanya 7.4 peratus daripada 9,171 pesawah MADA di Perlis dan 10.1 peratus pesawah di Kedah dapat memulakan tanaman padi mulai akhir September lalu.

Masalah sama turut berlaku di luar MADA di negeri ini apabila hanya sekitar 60 peratus daripada 6,789 pesawah sudah memulakan tanaman. Ia mengakibatkan jadual penanaman jauh tersasar sekali gus akan memberi kesan kepada hasil tuaian pada Februari 2024.

Di Kedah, jika mengikut jadual penanaman musim ini, sebanyak 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah MADA sepatutnya sudah mula ditabur benih padi sejak September lalu.

Pesawah juga merungut harga benih padi yang semakin tinggi sehingga mencecah RM50 sekampit bagi 20 kilogram yang turut membebankan mereka.



Sawah kosong

SEORANG pesawah melihat sawahnya yang sudah siap dibajak tetapi masih belum dapat ditanam dengan padi berikutan kelewatan bekalan benih di Utan Aji, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN (Lagi berita di muka 7)

Bersambung di muka 2

GAMBAR 1

Krisis benih padi di utara

Dari muka 1

Untuk musim tanaman kali ini, keseluruhan pesawah dalam kawasan MADA di Perlis memerlukan sekitar 115,057 kampak benih padi manakala petani di luar MADA pula memerlukan 28,412 kampak bekalan benih berkenaan membabitkan keluasan kawasan tanaman 28,003 hektar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Perlis, Razali Saad berkata, masalah kelewatan tersebut menyaksikan hanya sekitar 7.4 peratus pesawah MADA di negeri ini yang mampu memulakan tanaman dengan selebihnya masih tertanti-nanti bekalan benih.

Katanya, sekiranya masalah tersebut terus berlarutan ia bakal menjejaskan pesawah sekali gus turut memberi kesan kepada hasil pengeluaran padi apabila pesawah tidak sempat mengikut jadual penanaman ditetapkan yang bermula berfasa sejak September lalu.

"Krisis benih padi ini perlu diambil perhatian serius memandangkan pesawah terus dihimpit dengan masalah berulang setiap musim. Sehingga hari ini, masih ramai yang masih tidak boleh memulakan tanaman disebabkan masalah kelewatan tersebut.

"Selain itu, harga benih padi yang ditetapkan sekitar RM40 juga tidak mampu di-



Sekiranya masalah tersebut terus berlarutan ia bakal menjejaskan pesawah sekali gus turut memberi kesan kepada hasil pengeluaran padi apabila pesawah tidak sempat mengikut jadual penanaman ditetapkan yang bermula berfasa sejak September lalu."

ikuti sehingga harga benih padi mencecah lebih RM50 dan pesawah juga tidak ada pilihan di sebalik kesukaran mendapatkan benih ini.

"Kita bimbang jika masalah tersebut terus berlarutan bakal menyebabkan pesawah mula bosan dan seterusnya meninggalkan kerja-kerja menanam padi ini," katanya.

Sementara itu beliau mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula kuota benih

padi kepada pengilang-pengilang atau mengapungkan sahaja bagi memberi persaingan sihat sekali gus pesawah mempunyai pilihan membeli benih padi.

"Kuota benih padi juga sepatutnya diberikan setiap musim kepada kilang bukan setahun sekali. Sebagai contoh, kuota diberikan 30,000 kampak setahun, mungkin musim pertama sudah habis terjual dan bakal memberi masalah ketiadaan bekalan pada musim kedua," katanya.

Dalam pada itu seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, sepanjang 40 tahun mengusahakan tanaman padi, krisis bekalan benih musim ini disifatkan paling buruk sehingga menyebabkan dia dan majoriti pesawah masih belum boleh mengusahakan tanaman.

Katanya, benih padi ketika ini tidak ada di pasaran dan jika ada sekali pun harganya mencecah RM55 sehingga RM70 jauh daripada harga ditetapkan kerajaan iaitu RM45.

"Sepatutnya pertengahan Oktober lalu kami memulakan tanaman namun ketiadaan benih padi menyebabkan kami terpaksa menunggu dan terus menunggu untuk memulakan tanaman.

"Kami juga berdepan risiko jika proses tanaman terus lewat memandangkan bulan Disember sehingga Januari sudah memasuki musim kemarau. Sepatutnya kalau tanam mengikut jadual Januari sudah boleh dituai," katanya.

GAMBAR 2

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

KELEWATAN petani terima benih padi yang sah boleh menjejaskan musim penanaman kali ini.

Hanya 10.1 peratus kawasan MADA dapat tanam padi

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
DAN **MOHD RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Proses penanaman padi bagi musim kedua tahun ini di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak dapat mematuhi jadual ditetapkan apabila hanya 10.1 peratus dilaksanakan berbanding melebihi 50 peratus jika mengikut jadual.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, faktor kelewatan tersebut disebabkan para pesawah kini berdepan isu bekalan benih padi sah (BPS) yang sukar diperolehi selain harganya melebihi RM50 bagi kampil 20 kilogram (kg).

Katanya, jika mengikut jadual penanaman pada musim ini, sebanyak 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah MADA

sepatutnya sudah mula ditabur BPS sejak 27 September hingga 11 November ini.

"Bagi fasa kedua menabur benih yang bermula pada 7 Oktober hingga 21 November, sepatutnya meliputi 32,900 hektar dan fasa ketiga pada 17 Oktober hingga 1 Disember pula merangkumi 34,161 hektar.

"Kalau fasa-fasa ini dipenuhi ia telah melebihi 50 peratus tetapi yang berlaku ketika ini hanya 10.6 peratus daripada keluasan sawah tersebut ditabur benih. Keadaan sama berlaku di luar Jelapang Padi kerana proses menaburnya juga sekitar 10 peratus sahaja.

"Antara sebab kelewatan ini adalah pihak pesawah gagal mendapatkan benih pada masa yang sepatutnya. Bukan sahaja BPS tidak dibekalkan kepada Pertubuhan

Peladang Kawasan (PPK) tetapi dijual pada harga lebih tinggi berbanding harga runcit RM45," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, Pertubuhan Per Saudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) mendakwa PPK di Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus berdepan kesukaran mendapatkan bekalan BPS untuk dijual kepada petani pada harga RM45 per kampil seperti diselenggarakan kerajaan.

Exco PeSAWAH, Abdul Rashid Yob berkata, program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) berkuatkuasa 20 Oktober lalu masih belum mampu menyelesaikan misteri 'kehilangan' BPS di pasaran sehingga para petani beranggapan pengilang hanya membekalkan benih itu kepada rangkaian tertentu bagi meraih keuntungan

lebih.

Sementara itu, Dr. Ismail berkata, isu tersebut mesti ditangani segera pada musim ini agar dapat memastikan agenda keterjaminan makanan negara tidak terjejas pada musim akan datang yang memberi kesan kepada pengguna.

"Hanya PPK yang mengikut arahan kementerian untuk menjual pada harga runcit sepatutnya tetapi ejen pembekal benih padi lain yang tidak mengikut arahan kerajaan tidak diambil tindakan pun," katanya.

Tambah beliau, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga dicadangkan agar meluaskan Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (OP BPT) yang kini dilanjutkan untuk turut memeriksa bekalan benih di peringkat pengeluar.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA


TARIKH : 7 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Tingkat kuota pengeluaran di loji agensi kerajaan

ALORSETAR: Kuota penuh penghasilan benih padi kepada empat agensi kerajaan yang menjadi antara 12 pengeluar bekalan itu ketika ini perlu diberikan sebagai usaha untuk memastikan pelbagai isu melibatkan benih padi sah (BPS) dapat diatasi.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar berkata, ketika ini hanya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu, Pulau Pinang yang diberikan kuota penuh untuk menyediakan benih



MAHFUZ OMAR

padi iaitu 5,000 metrik tan berbanding Syarikat Perniagaan Peladang Mada Sdn. Bhd. (MADACorp); Felcra Plantation dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

"Ketika ini, kuota agensi itu untuk menyediakan benih padi hanya sekitar 15,500 metrik tan atau 22 peratus daripada keseluruhan 72,000 metrik tan. Selebihnya, diberikan kepada syarikat swasta.

"Perkara ini tidak logik kerana KADA diberikan kuota 1,700

metrik tan sedangkan kapasiti penuhnya 5,000 metrik tan dan Felcra Plantation hanya 1,800 metrik tan berbanding kapasiti 6,000 metrik tan manakala MADACorp yang memiliki kapasiti 12,000 metrik tan hanya mendapat kuota 1,800 metrik tan.

"Tetapi lapan syarikat swasta memperoleh kuota penyediaan benih padi hingga mencecah 14,000 metrik tan bagi tahun ini," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Mahfuz berkata, jika kapasiti

pengeluaran tidak ditingkatkan di loji agensi kerajaan, ia amat merugikan setelah kerajaan berbelanja antara RM9 juta hingga RM10 juta bagi membina serta menaik taraf empat loji terlibat.

"Keutamaan pemberian kuota penyediaan benih padi seharusnya diberikan kepada agensi kerajaan kerana pihak ini memiliki keutamaan untuk melindungi kepentingan petani agar tidak dijadikan 'dagangan' demi kepentingan pihak tertentu," ujarnya.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Jual RM50, dalam resit RM45

ARAU: Terdapat kedai-kedai input pertanian didakwa menjual benih padi lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan kerajaan iaitu RM45 sekampit sekali gus membebankan pesawah.

Malah Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban mendedahkan, terdapat kedai yang mengenakan caj tambahan sehingga harganya mencecah RM50 ke RM56 namun di dalam resit ditulis dengan harga RM45.

Bagaimanapun katanya, pesawah tidak ada pilihan selain terpaksa juga membeli dengan harga yang tinggi sekali pun kerana kesukaran mendapatkan bekalan benih padi ketika ini.

“Ada sesetengah kedai mereka jual dengan harga yang ditetapkan kerajaan RM45 sekampit (20 kilogram) namun mengenakan caj tambahan sehingga menjadikan harganya mencecah RM50 ke RM56.

“Caj tambahan itu tidak dimasukkan ke dalam resit sebaliknya mereka menulis dengan harga RM45 tersebut. Pesawah sememangnya tidak ada pilihan terpaksa membelinya,” katanya.

Tambah Mohd. Shazwan, masalah kelewatan dan ketiadaan bekalan benih musim ini dilihat antara paling teruk di mana sudah memasuki bulan November masih ramai yang belum memulakan tanaman padi.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Utamakan agensi ada loji pengeluaran dapat kuota benih padi sah

Alor Setar: Agensi kerajaan yang mempunyai loji pengeluaran benih padi sah (BPS) perlu diberi keutamaan mendapatkan kuota bekalan BPS berjumlah 72,000 tan setahun seperti ditetapkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar, berkata empat agensi iaitu LPP, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Felcra Plantation dan Mada Corp hanya membekalkan 15,500 tan BPS.

Jelasnya, keadaan ini menyebabkan kesukaran kepada kerajaan bagi memastikan harga jualan BPS kepada pesawah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang ditetapkan pada harga RM40 per 20 kilogram (kg) di kilang dan RM45 kepada peruncit dapat dilaksanakan.

“Apa yang menjadi kekesalan dalam isu BPS adalah harga jualan yang ditetapkan kerajaan tidak dipatuhi pengeluar swasta dengan hanya agensi kerajaan yang menjadi pembekal dapat mematuhi harga jualan ditetapkan.

“Pengeluar swasta yang menjadi pembekal menyerahkan BPS kepada ejen yang kemudian menjualnya kepada pesawah pada harga lebih tinggi menyebabkan yang terbeban adalah petani terutama

di Kedah.

“Sepatutnya dalam isu ini, pihak Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras perlu mengambil tindakan ke atas pengeluar swasta dan ejen terbabit, mereka boleh dapatkan senarai nama pembekal terbabit dan bukan hanya menunggu laporan untuk bertindak,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr Ismail Salleh.

Mahfuz yang juga Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) berkata, bagi menyelesaikan masalah BPS pada masa hadapan, adalah wajar kuota bekalannya diberikan kepada agensi kerajaan yang mempunyai loji benih padi.

Katanya, selama ini agensi yang menjadi pembekal BPS tidak mendapat kuota bekalan mengikut kapasiti ditetapkan sedangkan kerajaan sendiri yang mengarahkan pihak terbabit membina dan mengeluarkan benih padi bagi kegunaan pesawah.

“Kuota pengeluaran BPS akan tamat tahun ini, kerajaan akan melantik pembekal baharu tidak lama lagi.

“Jadi kita minta kerajaan beri keutamaan kepada agensi yang telah lama diberikan kuota menyediakan BPS,” katanya.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 7 NOVEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

'Tidak perlu 1 juta hektar jelapang padi di Malaysia'

KUALA LUMPUR - Sasaran pengeluaran padi sebanyak 80 peratus menjelang tahun 2030 menerusi inisiatif SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) boleh dicapai tanpa perlu menambah saiz jelapang padi kepada 1 juta hektar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, sasaran kadar sara diri (SSR) beras negara sebanyak 75 peratus menjelang 2025 dan 80 peratus menjelang 2030 ketika ini adalah realistik.

"Ini boleh dicapai tanpa menambah saiz jelapang padi kerana ini bergantung kepada tahap penghasilan untuk satu hektar. Itu yang lebih penting.

"Sekarang kita capai 62.6 peratus kerana 'yield' untuk padi kita sekitar 3 ke 3.4 tan per hektar. Kalau dapat tingkatkan itu kepada enam tan per hektar boleh capai 80 peratus.

"Jadi ini bukan saja hendak melihat kepada saiz geografi, tetapi berapa kita dapat per hektar," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr. Zulkafperi Hanapi (PN-Tanjong Karang) sama ada kerajaan menyasarkan 1 juta hektar jelapang padi di Malaysia untuk memastikan keterjaminan beras.

Menurut beliau, tambahan tanah seluas 55,000 hektar di Sabah dan Sarawak untuk penanaman padi seperti diumumkan kerajaan terlalu kecil.

Terdahulu, Foong Hin memaklumkan, SMART SBB menerusi Model Mini Sekinchan

dan projek rintis penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun akan mempertingkatkan produktiviti padi.

Kata beliau, matlamat pelaksanaan Program SMART SBB untuk mencapai SSR beras negara kepada 75 peratus menjelang 2025 dan 80 peratus menjelang 2030.

Dalam pada itu, beliau berkata, ketika ini Kementerian memantau status bekalan lapan komoditi makanan utama iaitu beras, sayur, buah, ayam/itik, telur ayam/itik, daging lembu, susu segar dan ikan makanan.

"Kadar SSR yang dicatatkan bagi bahan makanan utama bagi 2022, adalah beras (62.6 peratus), sayur (44.7), buah (78.1), daging lembu (14.7), ayam/itik (94.4), telur ayam/itik (108.9), susu segar (57.3) dan ikan makanan (90.2)," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa (BN-Tampin) mengenai stigma golongan muda yang menjauhi sektor pertanian, Foong Hin berkata, strategi yang dilakukan termasuk melalui program agropreneur muda.

Kata beliau, program itu membantu dan menggalakkan pembabit golongan muda antaranya dengan memberikan bantuan dalam bentuk barangan bernilai RM20,000 bagi setiap individu.

"Pada 2021, seramai 96 penternak muda menerima bantuan bernilai RM1.92 juta, manakala pada 2022, seramai 77 penternak muda mendapat bantuan berjumlah RM1.54 juta," katanya.



PENCELUARAN enam tan padi per hektar mampu memenuhi sasaran kadar sara diri beras negara sebanyak 80 peratus. - GAMBAR HIASAN